

UNIVERSITI BUKAN HANYA UNTUK LULUS

Penulis:

Afandi Ahmad
Muhammad Muzakkir Mohd Nadzri

Emel:

afandia@uthm.edu.my
muzakkirnadzri@gmail.com

Abstrak: Meneruskan pengajian di universiti, analoginya seperti sedang mengayuh basikal. Untuk mara ke hadapan, kita perlu terus mengayuh dan mengimbangi badan. Ada masanya pergerakan menjadi begitu berat dan memerlukan kekuatan luar biasa, kerana kita sedang mendaki bukit. Ada ketikanya pula, kita terpaksa lebih berhati-hati, menekan brek kerana sedang menuruni bukit. Bayangkan jika kita menggunakan kayuhan yang sama pada setiap masa dan keadaan, tanpa menghiraukan perubahan persekitarannya, apakah agaknya yang bakal terjadi? Jika diimbis sejarah perjalanan hidup masing-masing, bagaimana kayuhan ketika di bangku persekolahan? Wajarkah kaedah kayuhan yang sama ketika di sekolah digunakan di universiti, tetapi mengharapkan hasil yang berbeza? Dengan cabaran yang sudah tentu berbeza, penajajaran, perubahan dan penyesuaian mesti dilakukan.

Buku Kekal Positif – Universiti Bukan Hanya Untuk Lulus lahir hasil kompilasi pengalaman peribadi sebagai pelajar di universiti serta digarap bersama hasil di lapangan setelah berkecimpung dengan kehidupan pelajar di universiti menerusi beberapa siri amanah jawatan pentadbiran. Menyedari hakikat serta melihat bahawa universiti bukan sekadar tentang cerapan mata nilai dan gred, membetul dan menajajar set minda pelajar perlu dibuat. Memahami susur galur jangkaan, cabaran dan realiti alam kampus, buku ini menjadi medan perkongsian kepada semua bakal pelajar dan pelajar semasa agar kehidupan di universiti dapat menjadi titik tolak membentuk insan yang bukan sahaja boleh memimpin diri, malah pastinya kelak memimpin perubahan negara yang kita cintai.

kata kunci: Kekal Positif, perjalanan hidup, memimpin perubahan negara

Universiti

bukan hanya untuk

Lulus



Jangkaan, cabaran & realiti alam universiti:
'Terus belajar & memperbaiki diri'

AFANDI AHMAD
MUZAKKIR NADZRI

Universiti

b u k a n h a n y a u n t u k

lulus

Jangkaan, cabaran & realiti alam universiti:

‘Terus belajar & memperbaiki diri’

AFANDI AHMAD
MUZAKKIR NADZRI

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:

Afandi Ahmad

Muhammad Muzakkir Mohd Nadzri

Diterbit & dicetak oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8698 / 8529

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-024-0

Senarai Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	<i>xiii</i>
<i>Prakata</i>	<i>xix</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xxiii</i>
Bab 1: Memulakan Alam Universiti	1
Pengenalan	1
Cabaran Dunia Kampus	2
Jangkaan & Realiti	6
Tempuhi Dengan Kematangan	7
Perlu Kayuhan Berbeza	10
Minggu Orientasi	11
Rumusan	12
Bab 2: Merangka Lorong Kejayaan	15
Pengenalan	15
Sistem Akademik	16
Sistem Jam Pembelajaran Pelajar (JPP)	20
Penasihat Akademik & Kerjaya	30
Pengajian Era Pandemik	32
Perangkap Sindrom 4K	34
Kemahiran Belajar	36
Rumusan	39

Bab 3: Memperkukuh Kecemerlangan Diri	41
Pengenalan	41
Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	41
Cabaran Pengajian	44
Cabaran Menyusun Kursus	47
Cabaran Projek Berkumpulan	48
Mendampingi Pensyarah	52
Integriti Akademik	55
Cabaran Peperiksaan	57
Rumusan	61
 Bab 4: Menilai Kemajuan Diri	 63
Pengenalan	63
Jenama Diri	64
Penempatan Organisasi Luar	70
Cabaran Projek Tahun Akhir	72
Kesihatan Mental	75
Kesejahteraan Diri	80
Rumusan	81
 Bab 5: Mendepani Realiti	 83
Pengenalan	83
Jangkaan Dunia Pekerjaan	83
Memburu & Mencipta Peluang Pekerjaan	87
Merancang Kewangan	94
Integriti & Dedikasi Dalam Pekerjaan	96
Penghargaan & Sumbangan	97
Rumusan	98
 <i>Bibliografi</i>	 101
<i>Biodata Pengarang</i>	105
<i>Indeks</i>	109

Prakata

Kedudukan dan peranan universiti dalam struktur sosial sesebuah masyarakat begitu besar ertinya. Di sinilah seharusnya budaya cintakan ilmu disemai dan dikembangkan hingga memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya. Akan tetapi, perubahan dan senario semasa memperlihatkan universiti bukanlah lagi suatu pilihan, malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa keberadaan pelajar di universiti lebih didorong hanya untuk mengejar sekeping kelulusan atau juga hanya sebagai budaya ikutan. Jika sekalipun benar, biarlah ruang dan peluang yang tidak dimiliki oleh semua orang ini difahami dan dihargai sebaiknya.

Menyedari hakikat serta melihat bahawa universiti bukan sekadar tentang cerapan mata nilai dan gred, membetul dan menjajar set minda pelajar perlu dibuat. Amanah ini terlalu besar, semoga usaha kecil menerusi buku ini untuk memandaikan anak bangsa membawa manfaat. Apabila keselesaan menjadi pilihan, pasti cabarannya juga tidak mudah. Memahami susur galur jangkaan, cabaran dan realiti alam kampus, buku ini menjadi medan perkongsian kepada semua bakal pelajar dan pelajar semasa agar kehidupan di universiti dapat menjadi titik tolak membentuk insan yang bukan sahaja boleh memimpin diri, malah pastinya kelak memimpin perubahan negara yang kita cintai.

Buku ***Kekal Positif – Universiti Bukan Hanya Untuk Lulus*** lahir hasil kompilasi pengalaman peribadi sebagai pelajar di universiti serta digarap bersama hasil di lapangan setelah berkecimpung dengan kehidupan pelajar di universiti menerusi beberapa siri amanah jawatan pentadbiran. Bermula sebagai felo di kolej kediaman, kemudiannya dengan kejutan dan penafian apabila diminta bertugas sebagai pengetua di kolej kediaman usai pengajian doktor falsafah hinggalah memimpin portfolio hal ehwal pelajar sebagai timbalan naib cancellor, mendatangkan keinsafan dalam diri, mencetus persoalan, “Apakah yang boleh disumbangkan untuk memimpin pelajar dengan lebih baik?” Pengalaman di kampus yang turut diperkaya dengan tugas sebagai ketua jabatan, timbalan dekan akademik dan antarabangsa, dekan fakulti serta penolong naib cancellor bagi perancangan strategik dan perhubungan korporat juga menyebabkan tiada lagi alasan untuk tidak menyudahkan penulisan ini walaupun usaha ini tertangguh entah berapa kalinya. Hikmah menjalani program sabbatical yang juga tanpa dijangka seawal ini dalam perjalanan kerjaya seorang ahli akademik, akhirnya membuahkan naskhah ini dan diharapkan dapat memberi manfaat bersama.

Penulis bersama buku ini, Muhammad Muzakkir bin Mohd Nadzri merupakan seorang pelajar yang bersama-sama menjadi saksi dalam perjuangan memimpin perubahan untuk terus memberikan khidmat terbaik kepada pelajar, khususnya dalam membentuk ekosistem kampus yang menyeluruh. Mula bekerjasama secara rapat sebagai sebuah pasukan kepimpinan di kolej kediaman, kemudiannya menjalani latihan menerusi penyeliaan projek sarjana muda hingga dilanjutkan ke peringkat sarjana, dan kini dalam fasa akhir menyudahkan pengajian kedoktoran. Kupasan buku ini juga merupakan garapan bersama hasil pemerhatian, perdebatan dan perbincangan menerusi dua (2) lensa berbeza, sebagai pensyarah dan pelajar.

Bab yang disusun menerusi buku ini merangkumi tiga (3) fasa utama perkara yang perlu dijangka sebelum memasuki universiti, perkara yang mesti diusahakan dengan gigih semasa berada di universiti, dan perkara yang mesti dipersiapkan sebelum melangkah keluar dari universiti. Bab yang diatur juga menggabung antara perkara yang berkaitan dengan hal ehwal akademik di kampus serta aspek rutin kehidupan sebagai seorang pelajar. Susunan dan gabungan seperti ini dibuat demi membantu pembaca, khususnya pelajar agar dapat mengikutinya secara berjujukan. Walaupun begitu, kandungan buku ini masih tetap boleh dibaca secara berasingan tertakluk kepada kapasiti semasa pembaca, misalnya bakal pelajar yang hanya ingin membaca bahagian persiapan sebelum memasuki universiti sahaja. Penelitian dan tinjauan juga mendapati bahawa buku seperti ini yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai pengantarnya begitu terhad di pasaran, jika dibandingkan dengan buku Bahasa Inggeris. Selain itu, pengalaman berkelana menimba ilmu dan pengalaman di beberapa negara juga jelas menunjukkan bagaimana negara maju begitu menekankan sistem sokongan kepada pelajarnya. Lantas ini begitu menguatkan motivasi untuk memastikan buku ini diterbitkan demi manfaat generasi hari ini dan akan datang.

Akhirnya, menjadi iltizam agar buku ini dapat menjadi naskhah wajib untuk dibaca oleh para pelajar di peringkat menengah dan matrikulasi, agar mereka semuanya mendapat gambaran menyeluruh serta input berguna dalam mempersiapkan diri sebelum bergelumbang di alam kampus. Buku ini juga amat sesuai dijadikan hadiah oleh ibu bapa kepada anak-anak yang berhasrat melanjutkan pengajian di universiti yang disediakan sesuai mengikut konteks umum universiti secara keseluruhannya. Selain itu, turut menjadi harapan agar buku ini dapat bertindak sebagai sistem sokongan kepada para pelajar di universiti serta dijadikan cenderahati untuk semua pelajar baharu ketika mula

mendaftar di universiti dan dikupas dalam minggu orientasi. Semoga dengan ini kesedaran budaya membaca dapat dikembalikan, budaya cintakan ilmu dapat dikembangkan, menjadikan universiti benar-benar sebuah menara ilmu untuk kesejahteraan sejagat!

Afandi bin Ahmad

Muhammad Muzakkir bin Mohd Nadzri

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

01

Memulakan Alam Universiti

Pengenalan

Pada ketika Angah membuka sejarah baharu keluarga apabila berjaya mendapat tempat di Universiti Malaya (UM) pada awal 90an, saya berada di tingkatan dua (2). Hati saya berbunga-bunga, macam saya pula yang akan mendaftar masuk ke UM. Dalam kepayahan mengumpul wang pendahuluan mendaftar di UM, rantai leher mak digadaikan, demi kelangsungan sebuah pendidikan. Kejayaan Angah ini juga umpama ubat buat Along yang berkorban demi kami semuanya, membuat keputusan untuk tidak ke menara gading, walaupun muncul sebagai pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolahnya.

Itu secebis kisah dalam keluarga kami. Namun hari ini, adakah puncak menara gading masih menjadi igauan dan mengujakan dalam kalangan generasi muda? Adakah kini, para pelajar memasuki alam universiti dengan penuh rasa bangga, atau hanya sekadar mengikut arus yang melanda semata-mata? Justeru, bab ini akan merungkai sudut pandang alam universiti berdasarkan realiti yang semakin berbeza mutakhir ini. Menerusi bab ini, diharapkan para pelajar akan memperolehi gambaran

02

Merangka Lorong Kejayaan

Pengenalan

Kini, pelajar telah menjadi warga universiti. Tempoh yang ada tidak panjang dan mesti dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Umumnya, ada tiga (3) elemen utama dalam pengajian yang mesti dibangunkan dengan sebaiknya, iaitu aspek pengetahuan (kognitif), perasaan (afektif) dan kemahiran (psikomotor). Jika sejak awal berada di universiti pelajar telah sedar dan faham akan perkara yang perlu dibangun dan dilengkapi, pastinya hala tuju yang jelas ini akan membantu dalam banyak perkara. Ramai pelajar yang kecundang pada awal perlumbaan kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan pantas dalam mendepani perubahan. Ada juga yang terkandas di tengah jalan kerana kekal dalam zon selesa serta kabur hala tujunya, tidak tahu hendak ke mana. Maka, bab ini penting dalam memberikan pencerahan terhadap tanggungjawab yang mesti dipikul di universiti. Perkara-perkara yang bakal dibentangkan merupakan ringkasan yang menyeluruh bagi memberikan gambaran terhadap kepentingan perkara tersebut dalam kamus kehidupan seorang pelajar.

03

Memperkukuh Kecemerlangan Diri

Pengenalan

Berada di universiti merupakan peluang yang mesti dihargai dan memerlukan strategi. Bab ini meneruskan kesinambungan bab terdahulu dengan menghuraikan strategi yang boleh dipertimbangkan dalam memperkukuh potensi diri. Dengan cabaran yang pelbagai, persiapan tidak boleh dibuat sambil lewa. Contohnya, cabaran dalam mendepani sistem pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan projek berkumpulan mesti ditangani secara bijaksana. Selain pemikiran dan strategi, daya tahan diri juga diperlukan untuk melonjakkan potensi diri ke peringkat yang sebaiknya. Sekiranya, keberadaan di universiti tidak lebih hanya sekadar meneruskan budaya terdahulu atau sekadar mengikut arus, pelaburan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Cabaran utama di universiti yang jarang dikongsikan ialah berkaitan pembelajaran berpusatkan pelajar. Umum melihat, belajar hanyalah belajar, sama ada di sekolah mahupun universiti. Belajar hanyalah

04

Menilai Kemajuan Diri

Pengenalan

Setelah pelajar jelas dengan jangkaan apabila berada di universiti, memahami perkara pokok dalam merangka lorong kejayaan dan mempertimbang perkara penting dalam memperkukuh kecemerlangan diri, penting juga bagi pelajar untuk terus melakukan penilaian terhadap kemajuan diri. Menilai kemajuan diri memerlukan instrumen yang jelas dan bersifat boleh diukur walaupun secara peribadi. Memahami konsep jenama diri adalah langkah yang amat baik sebagai alat untuk melihat prestasi diri serta mengenalpasti kelemahan yang memerlukan tindakan selanjutnya. Dalam peringkat ini juga, kemajuan diri dapat digambarkan dengan persiapan yang dibuat bagi menjalani program sangkutan di luar seperti latihan industri atau latihan mengajar serta pelaksanaan projek tahun akhir. Walaupun kemajuan diri yang memberangsangkan menjadi impian semua pihak, namun ini tidaklah bermakna aspek kesihatan mental boleh dikesampingkan. Menerusi bab ini, keseluruhan perkaitan antara kemajuan dan kesejahteraan diri akan diberikan pencerahannya.

05

Mendepani Realiti

Pengenalan

Tempoh berada di universiti bukanlah panjang. Setelah berjuang melengkapkan diri dengan pelbagai persiapan, tibalah masa untuk pelajar turun ke gelanggang sebenar, mendepani realiti. Selari dengan peranan universiti yang bukan sahaja melahirkan graduan untuk pasaran kerja tetapi juga mereka yang boleh mencipta pekerjaan, realiti kini benar-benar mencabar. Bab ini menceritakan jangkaan dalam dunia pekerjaan, selok belok berdepan dengan cabaran memburu pekerjaan dan akhirnya disudahkan dengan kepentingan menghargai semua pihak yang telah membantu pelajar sepanjang jalan merentas denai kejayaan.

Jangkaan Dunia Pekerjaan

Setelah berhempas pulas mendepani pelbagai cabaran untuk menyudahkan pengajian, cabaran sebenar yang lebih hebat pasti muncul. Hari ini, cabaran dalam mendapatkan pekerjaan juga menjadi semakin mencabar. Jika dahulu, umum melihat bahawa graduan universiti pasti tidak bermasalah untuk mendapatkan pekerjaan, kini

Bibliografi

- Baik, C., Naylor, R., & Arkoudis, S. (2015). The First Year Experience in Australian Universities: Findings from Two Decades, 1994-2015. In *Centre for the Study of Higher Education University of Melbourne*. http://www.cshe.unimelb.edu.au/research/experience/docs/FYE_Report_1994_to_2009.pdf
- Baik, C., Naylor, R., Arkoudis, S., & Dabrowski, A. (2019). Examining the experiences of first-year students with low tertiary admission scores in Australian universities. *Studies in Higher Education*, 44(3), 526–538. <https://doi.org/10.1080/03075079.2017.1383376>
- Bizami, N. A., Tasir, Z., & Kew, S. N. (2022). Innovative pedagogical principles and technological tools capabilities for immersive blended learning: a systematic literature review. In *Education and Information Technologies* (Issue 0123456789). Springer US. <https://doi.org/10.1007/s10639-022-11243-w>
- Clifton, J. (2022). The Power of Work Friends. *Harvard Business Review*.
- Doménech-Betoret, F., Abellán-Roselló, L., & Gómez-Artiga, A. (2017). Self-efficacy, satisfaction, and academic achievement: The mediator role of students' expectancy-value beliefs. *Frontiers in Psychology*, 8(JUL), 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2017.01193>
- Godfrey, E., Aubrey, T., & King, R. (2010). Who leaves and who stays? Retention and attrition in engineering education. *Engineering Education 2010: Inspiring the Next Generation of Engineers*, EE 2010, 0052. <https://doi.org/10.1120/ened.2010.05020026>

- Hamid, N. (2016). *Sindrom 4K di IPT membimbangkan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/10/198126/sindrom-4k-di-ipt-membimbangkan>
- Karadağ, E. (2017). The factors effecting student achievement: Meta-analysis of empirical studies. *The Factors Effecting Student Achievement: Meta-Analysis of Empirical Studies*, 1–337. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-56083-0>
- Krause, K. L., & Coates, H. (2008). Students' engagement in first-year university. *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 33(5), 493–505. <https://doi.org/10.1080/02602930701698892>
- Marshall, L. (2017). Impact of Online Orientation for First-Time Online Students on Retention, Academic Success, and Persistence. ProQuest LLC, 1–120. <https://login.jproxy.nuim.ie/login?url=https://www.proquest.com/dissertations-theses/impact-online-orientation-first-time-students-on/docview/2013523211/se-2?accountid=12309%0Ahttps://maynoothuniversity.userservices.exlibrisgroup.com/discovery/citationlin>
- Merikko, J., & Kivimäki, V. (2022). “Replacing teachers? Doubt it.” Practitioners' views on adaptive learning technologies' impact on the teaching profession. *Frontiers in Education*, 7. <https://doi.org/10.3389/feduc.2022.1010255>
- Mohamed, Z. (2016). Managing Student Learning Time for Effective Learning. *National Conference on Technical Education 2006 – Enhancing Human Capital Development Through Quality Technical Education*, August 2006, 1–14.

- Murray, K. A. (2022). *The Impact of Orientation Programs on First-Generation College Students' Sense of Belonging*. <https://scholarworks.waldenu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=5491&context=dissertations>
- Naylor, R., Baik, C., & Arkoudis, S. (2018). Identifying attrition risk based on the first year experience. *Higher Education Research and Development*, 37(2), 328–342. <https://doi.org/10.1080/07294360.2017.1370438>
- Neroni, J., Meijs, C., Kirschner, P. A., Xu, K. M., & de Groot, R. H. M. (2022). Academic self-efficacy, self-esteem, and grit in higher online education: Consistency of interests predicts academic success. *Social Psychology of Education*, 25(4), 951–975. <https://doi.org/10.1007/s11218-022-09696-5>
- Nguyen, N., Muilu, T., Dirin, A., & Alamäki, A. (2018). An interactive and augmented learning concept for orientation week in higher education. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 15(1). <https://doi.org/10.1186/s41239-018-0118-x>
- Nygaard, C., & Andersen, I. (2004). Contextual Learning In Higher Education - Curriculum Development with Focus on Student Learning. In *Educational Innovation in Economics and Business* (pp. 277–294).
- Onurkan Aliusta, G., & Özer, B. (2017). Student-centred learning (SCL): roles changed? *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 23(4), 422–435. <https://doi.org/10.1080/13540602.2016.1205014>
- Sullivan, J. L. G. (2021). *The impact of orientation programs on new student engagement and transition*.

- Tadjer, H., Lafifi, Y., Seridi-Bouchelaghem, H., & Gülseçen, S. (2020). Improving soft skills based on students' traces in problem-based learning environments. *Interactive Learning Environments*, 0(0), 1–18. <https://doi.org/10.1080/10494820.2020.1753215>
- Waltzer, T., Samuelson, A., & Dahl, A. (2022). Students' Reasoning About Whether to Report When Others Cheat: Conflict, Confusion, and Consequences. *Journal of Academic Ethics*, 20(2), 265–287. <https://doi.org/10.1007/s10805-021-09414-4>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1), 63–74.
- World Economic Forum. (2020). The future of jobs report 2020 | world economic forum. *The Future of Jobs Report*, October, 1163. <https://www.weforum.org/reports/the-future-of-jobs-report-2020/digest>

Biodata Pengarang



Afandi bin Ahmad merupakan profesor madya dalam Kluster Kejuruteraan Komputer, Jabatan Kejuruteraan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik dari UTHM juga telah memulakan kerjaya akademik sebagai tutor sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang mikroelektronik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta kembali bertugas sebagai pensyarah di FKEE. Beliau pernah dilantik sebagai ketua jabatan kejuruteraan komputer serta pada masa yang sama turut berkhidmat sebagai felo di Kolej Kediaman Tun Syed Nasir UTHM, sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan elektronik dan komputer di Brunel University, London. Sekembalinya setelah selesai pengajian PhD, bermulalah kisah yang akhirnya membawa kepada penghasilan buku ini. Dilantik bertugas sebagai Pengetua di Kolej Kediaman Perwira hampir tujuh (7) tahun menjadikan dirinya begitu dekat dengan isu dan permasalahan pelajar. Melihat cabaran yang berlaku dalam dunia kehidupan pelajar benar-benar mendorong pelbagai transformasi dilakukan dalam menambahbaik sistem sokongan ekosistem kampus pelajar, khususnya di kolej kediaman. Dalam pada bertugas sebagai Pengetua, Universiti turut memberikan cabaran dan kepercayaan apabila beberapa kali menjalankan tugas selari sebagai Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) dan Dekan, yang sebenarnya memberikan beliau

pengalaman istimewa melihat kepentingan sinergi antara hal ehwal akademik dan pembangunan pelajar dalam merealisasikan keberhasilan graduan yang holistik. Turut memperkaya pengalaman beliau apabila dilantik menjalankan tugas sebagai Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat) yang memberikan banyak input terhadap aspek pemikiran, perancangan strategik, penjenamaan yang boleh dikaitkan dengan pengembangan diri pelajar. Hinggalah yang terakhir apabila diberikan peluang menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), buku **Kekal Positif – Universiti Bukan Hanya Untuk Lulus** adalah antara projek yang tertangguh dan ingin dijadikan buah tangan buat semua para pelajar.



Muhammad Muzakkir bin Mohd Nadzri kini sedang menyelesaikan pengajian peringkat kedoktoran dalam bidang kejuruteraan komputer di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan

Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Beliau yang juga merupakan alumni UTHM terdahulu mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda dan sarjana di fakulti yang sama. Semasa bergelar mahasiswa, beliau merupakan seorang pelajar yang berdedikasi dan cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik malah ko-kurikulum juga. Beliau juga merupakan pemenang Anugerah Akademik Projek Sarjana Muda Terbaik (FKEE) dalam Majlis Konvokesyen UTHM 2015 selain turut memenangi Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik sempena Anugerah Kolej Kediaman UTHM 2014 serta Anugerah Rakan HEPA UTHM 2014. Ketika bergelar pemimpin mahasiswa di kolej kediaman, beliau telah berjaya memimpin

pasukan kepimpinan pelajar Kolej Kediaman Perwira hingga berjaya dipilih menjadi kolej kediaman cemerlang UTHM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut, antara 2014 hingga 2016, malah beliau juga pernah berkhidmat sebagai pembantu felo di kolej kediaman yang sama. Di peringkat kebangsaan juga, beliau pernah dianugerahkan dengan pelbagai pencapaian cemerlang misalnya menerusi *IEEE Final Year Project Competition 2015*, *IEEE Young Professional National Technical Poster Competition 2016*, Konvensyen Kampus Lestari UKM, Hari Pengguna Malaysia 2018 dan *Waste to Art Competition* anjuran SWCorp Malaysia.

Universiti

bukan hanya untuk

Lulus

Meneruskan pengajian di universiti, analoginya seperti sedang mengayuh basikal. Untuk mara ke hadapan, kita perlu terus mengayuh dan mengimbangi badan. Ada masanya pergerakan menjadi begitu berat dan memerlukan kekuatan luar biasa, kerana kita sedang mendaki bukit. Ada ketikanya pula, kita terpaksa lebih berhati-hati, menekan brek kerana sedang menuruni bukit. Bayangkan jika kita menggunakan kayuhan yang sama pada setiap masa dan keadaan, tanpa menghiraukan perubahan persekitarannya, apakah agaknya yang bakal terjadi? Jika diimbis sejarah perjalanan hidup masing-masing, bagaimana kayuhan ketika di bangku persekolahan? Wajarkah kaedah kayuhan yang sama ketika di sekolah digunakan di universiti, tetapi mengharap hasil yang berbeza? Dengan cabaran yang sudah tentu berbeza, penajajaran, perubahan dan penyesuaian mesti dilakukan.

Buku **Kekal Positif – Universiti Bukan Hanya Untuk Lulus** lahir hasil kompilasi pengalaman peribadi sebagai pelajar di universiti serta digarap bersama hasil di lapangan setelah berkecimpung dengan kehidupan pelajar di universiti menerusi beberapa siri amanah jawatan pentadbiran. Menyedari hakikat serta melihat bahawa universiti bukan sekadar tentang cerapan mata nilai dan gred, membetul dan menajajar set minda pelajar perlu dibuat. Memahami susur galur jangkaan, cabaran dan realiti alam kampus, buku ini menjadi medan perkongsian kepada semua bakal pelajar dan pelajar semasa agar kehidupan di universiti dapat menjadi titik tolak membentuk insan yang bukan sahaja boleh memimpin diri, malah pastinya kelak memimpin perubahan negara yang kita cintai.

Kerana kita adalah seorang yang

Gigih & Cekal

Because we are Persistent & Resilient

  **kekalpositifaa**



ISBN 978-629-490-024-0



For more information,
please scan the code

